



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA**

**21 APRIL 2026 (SELASA)**

## JPV Perak Patah Cubaan Pindah 64 Biri-biri, Kambing Secara Haram

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negara	Dalam Talian	20 April



Sebahagian daripada 64 biri-biri dan kambing yang cuba dipindahkan secara haram di KM323.9 Lebuhraya Utara-Selatan di Tapah semalam.

IPOH – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak mematahkan cubaan memindahkan 37 ekor biri-biri hidup dan 27 ekor kambing secara haram di Tapah menerusi pelaksanaan Ops Korban Tegas 2026 semalam.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Perak, Dr. Saifullizam Abd. Kadir berkata, operasi tersebut dijalankan oleh sepasukan anggota penguat kuasa JPV Perak dalam usaha memperkukuh kawalan

pergerakan ternakan menjelang musim perayaan.

Menurut beliau, pasukan penguat kuasanya berjaya menahan sebuah kenderaan pada kira-kira pukul 11 pagi di tepi jalan Lebuhraya Utara-Selatan menghala ke selatan berhampiran Kilometer (KM) 323.9 di Tapah.

“Hasil pemeriksaan mendapati pemandu kenderaan tersebut gagal mengemukakan sebarang dokumen pemindahan yang sah.

“Modus operandi mereka ialah dengan menutup keseluruhan bahagian belakang kenderaan menggunakan kanvas bagi mengaburi pihak penguat kuasa juga tidak berjaya,” katanya di sini hari ini.

Saifullizam berkata, pada peringkat awal, pemilik ternakan enggan memberikan kerjasama, namun selepas menghubungi pihak polis bagi mendapatkan bantuan, dia akhirnya akur.

Tambahnya, kesemua haiwan yang cuba dipindahkan itu dipercayai berasal dari Kelantan dan dalam perjalanan ke satu lokasi di Selangor.

“Kes tersebut disiasat di bawah Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953 yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM15,000 jika sabit kesalahan.

“Ternakan berkenaan dipercayai untuk dijadikan stok korban dan dianggarkan bernilai RM30,000, manakala lori yang digunakan pula bernilai RM80,000 menjadikan keseluruhan rampasan berjumlah RM110,000,” katanya. –

[KOSMO! ONLINE](#)

## Cubaan Pindah 64 Haiwan Ternakan Secara Haram Gagal

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Semasa	Dalam Talian	20 April



JPV Perak mematahkan cubaan memindahkan 64 ternakan secara haram dalam satu pemeriksaan berhampiran Kilometer 323.9 Lebuhraya Utara Selatan arah selatan di Tapah pada Ahad.

IPOH - Jabatan Selangor.

Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak mematahkan cubaan memindahkan 64 ternakan secara haram dalam satu pemeriksaan berhampiran Kilometer 323.9 Lebuhraya Utara Selatan arah selatan di Tapah pada Ahad.

Pemeriksaan menerusi Op Korban Tegas 2026 sekitar jam 11 pagi itu berjaya mengesan 37 biri-biri dan 27 kambing bernilai hampir RM30,000 disembunyikan dalam sebuah lori yang dalam perjalanan ke

Pengarah JPV Perak, Dr Saifullizam Abd Kadir berkata, siasatan awal mendapati, haiwan tersebut dibawa dari Kelantan sebelum cuba dipindahkan tanpa dokumen sah bagi tujuan jualan sempena sambutan Hari Raya Aidiladha.

“Hasil pemeriksaan mendapati pemandu gagal mengemukakan sebarang dokumen pemindahan yang sah.

"Sindiket ini cuba menggunakan taktik 'lori bungkus' dengan menutup keseluruhan bahagian belakang kenderaan menggunakan kanvas bagi mengelak dikesan pihak berkuasa," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

dipindahkan,"  
SINARHARIAN

katanya.-

Beliau berkata, pada peringkat awal, pemilik ternakan terbabit enggan memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa.

Bagaimanapun, selepas bantuan pihak polis diperoleh, pemilik akhirnya akur dan memberikan kerjasama sepenuhnya bagi membolehkan tindakan lanjut diambil.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953 yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM15,000 jika sabit kesalahan," katanya.

Dalam pada itu, Saifullizam berkata, Op Korban Tegas 2026 dilaksanakan sempena sambutan Hari Raya Aidiladha bagi memperketat kawalan pergerakan ternakan serta membanteras aktiviti pemindahan tanpa permit sah.

"Operasi ini akan diteruskan hingga hari perayaan bagi memastikan hanya ternakan yang mempunyai permit sah dibenarkan untuk

## Ops Korban Tegas: JPV Perak Rampas 64 Biri-biri, Kambing Di Tapah

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BERNAMA	Am	Dalam Talian	20 April



Foto Hiasan

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak mematahkan cubaan memindahkan 37 biri-biri hidup dan 27 kambing secara haram menerusi Ops Korban Tegas di Tapah semalam. dianggarkan bernilai RM30,000 manakala lori yang digunakan pula bernilai RM80,000 menjadikan jumlah keseluruhan rampasan RM110,000.

Pengarah JPV negeri Dr Saifullizam Abd Kadir berkata pasukan penguat kuasa berjaya menahan sebuah lori di Kilometer 323.9 Lebuhraya Utara Selatan arah selatan kira-kira 11 pagi. “Kami sedang melakukan pemantauan sempena operasi berkaitan pemindahan ternakan. Semasa membuat pemantauan, kami terserempak dengan lori membawa ternakan itu.

Beliau berkata ternakan berkenaan dipercayai untuk dijadikan stok korban “Kambing itu dipercayai dibawa dari Kelantan ke Selangor sempena

Aidiladha,” katanya dalam kenyataan malam ini.

Saifullizam berkata pihaknya turut menahan pemandu lori berusia 31 tahun, yang hanya memberikan kerjasama selepas pihak penguat kuasa menghubungi polis bagi mendapatkan bantuan.

Beliau berkata lelaki itu dibebaskan selepas disoal siasat dan hasil siasatan mendapati kenderaan itu tidak mempunyai permit pemindahan dan telah melakukan pemindahan secara haram.

“Modus operandi yang dilakukan adalah dengan menutup keseluruhan bahagian belakang kenderaan menggunakan kanvas bagi mengaburi pihak penguat kuasa,” katanya.

Beliau berkata kes itu disiasat di bawah Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953 yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM15,000 jika sabit kesalahan.-[BERNAMA](#)

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR